

CN85660

R GB 30-03 00165 BR881

bah

Mahathir - puji

MAHATHIR DIPUJI SEBAGAI PEMIMPIN BARU DUNIA KETIGA

Daripada Mahesh Prasad

1

NEW DELHI, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dipuji oleh sebuah akhbar harian tempatan berbahasa Inggeris, The Pioneer, yang menyifatkannya sebagai pemimpin baru bagi Dunia Ketiga.

Amalendu Mishra yang menulis di bawah tajuk 'Profil' berkata: "Dalam era selepas Perang Dingin, sekiranya ada suara pemimpin Dunia Ketiga yang dapat menggerakkan negara Barat, orang itu ialah Dr Mahathir."

Beliau berkata: "Masanya sudah berlalu bagi New Delhi, Kaherah, Accra atau Jakarta menjadi tumpuan dunia dalam perkara-perkara berhubung isu Dunia Ketiga.

"Sebaliknya, Kuala Lumpur dengan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamed, kini mewakili kepentingan negara membangun dan kurang membangun di Selatan."

Penulis itu berkata walaupun kecamaannya terhadap Barat "pada asasnya melingkungi kepentingan negaranya, dalam konteks yang lebih luas, ia turut meliputi masalah-masalah yang dihadapi oleh Selatan, kerana tekanan yang dilakukan oleh negara maju." -- Lagi

▼30/03/19-5943T

CN85667

R GB 30-03 00177 BR882

bah

Mahathir - puji 2 New Delhi

Hujah Kuala Lumpur pada masa ini, menurut penulis, ialah "setiap perkataan atau amalan yang datang dari Dunia Pertama tidak boleh dianggap sebagai khutbah. Ia mungkin mengenai alam sekitar, hak asasi manusia atau demokrasi tetapi ia patut diterima, diguna dan dilaksanakan dalam suasana tempatan bergantung kepada "permintaan keadaan."

Penulis itu memetik Dr Mahathir sebagai berkata bahawa "terlalu banyak demokrasi mengikut cara Barat boleh membawa kepada homoseksualiti, keruntuhan moral, kemerosotan ekonomi dan perpecahan keluarga.

Banyak pemimpin dunia tidak mampu untuk mengalihkan perhatian daripada isu-isu dalam negara masing-masing, katanya lalu menambah bahawa "bagi Dr Mahathir, bagaimanapun, perannya sebagai jurucakap Dunia Dunia telah membantu mengukuhkan kedudukannya di negara sendiri."

Penulis itu berkata parti pemerintah yang dipimpin oleh Dr Mahathir "telah berjaya memberikan nafas baru kepada ekonomi negara. Hanya 10 peratus rakyat Malaysia berada di bawah paras kemiskinan; bagi 16 juta rakyat Malaysia yang selebihnya menikmati pendapatan purata sekurang-kurangnya AS\$2,500."

Menurut penulis itu, "ia satu ekonomi yang berkembang pesat, sehingga mengatasi negara-negara Barat.

Menurut penulis itu, Dr Mahathir "mempunyai satu wawasan untuk memastikan Malaysia mencapai status sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Wawasan itu dapat dicapai sekiranya terdapat pelaburan luar. Oleh itu, walaupun dasarnya anti Barat, beliau tidak mampu bersengketa dengan pelabur asing kerana kehadiran mereka sangat penting bagi Malaysia."

Penulis itu berkata Dr Mahathir hanya "marah" terhadap kerajaan-kerajaan barat, bukan terhadap ahli-ahli perniagaan Barat. -- Bernama

MP AKD

▼30/03/20-05MST